LANGKAWI

Permata Kedah

Malaysia

Langkawi SkyCab

Malaysia
Truly Asia

Kandungan

5	Persinggahan Pertama-Kuah
8	Bersantai di Pantai
10	Terokai Keindahan Alam
14	Khazanah Budaya
16	Riadah dan Rekreasi
22	Belayar di Langkawi
24	Acara Menarik
25	Membeli-belah dan Menjamu Selera
26	Penginapan
28	Bagaimana ke Langkawi?
30	Pejabat Tourism Malaysia

Selamat Datang

Langkawi meliputi gugusan 99 pulau tropikal yang terletak di barat laut pantai Semenanjung Malaysia, kira-kira 30 km dari Kuala Perlis dan 51km dari Kuala Kedah. Di antara pulau-pulau ini, pulau utama dikenali sebagai Pulau Langkawi. Kepulauan ini diselubungi dengan pelbagai mitos dan legenda, di antaranya adalah mengenai raksasa dan burung gergasi, pendekar dan puteri-puteri kayangan, peperangan serta percintaan.

Seperti sebuah syurga semulajadi, pulau ini tiada tandingannya di Asia Tenggara. Pantai yang menawan menjadi lokasi yang ideal untuk bersantai di bawah pancaran matahari. Air laut yang jernih di sekitar pulau ini pula adalah cukup sempurna untuk aktiviti sukan dan rekreasi air.

Langkawi telah mendapat anugerah Geopark Global UNESCO, sebagai pengiktirafan kepada warisan geologinya yang indah seperti lanskap yang menakjubkan, keunikan batu kapur, gua-gua, gerbang laut, tunggul laut, batu jatuhan glasiar dan fosil. Kepulauan yang mempunyai sejarah geologi yang melebihi 550 juta tahun ini mengandungi formasi batu yang indah lagi mengagumkan.

Langkawi adalah tempat yang amat sesuai untuk melakukan pelbagai jenis aktiviti mahupun untuk menenangkan fikiran. Berseronoklah dengan aktiviti-aktiviti yang berlatarkan alam semulajadi atau berehat santai di tepi pantai. Bagi mereka yang gemar melawat tempat-tempat menarik, terdapat banyak tarikan unik untuk dilawati. Senyuman manis serta layanan mesra warga tempatan pasti memikat hati. Kunjungilah Langkawi untuk percutian yang tiada tolok bandingnya.

SELAT MELAKA

Pulau Datai

Air Terjun Temurun

The Andaman Langkawi

Pantai Pasir Tengkorak

The Datai Langkawi

The ELS Club Teluk Datai

Taman Buaya Langkawi

Gunung Mat Chinchang

SkyTrex Adventure

Padang Matsirat

Telaga Tujuh

Langkawi SkyCab

Berjaya Langkawi Resort

Oriental Village

Pantai Kok

The Ritz-Carlton Langkawi

The Danna Langkawi

Telaga Harbour Park

Ombak Villa Langkawi

Bella Vista Express

Hotel Century Langkasuka

Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi

Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri

Hotel Century Hel

Morac Adventure Park

Vivanta Rebak Island Langkawi

Pulau Rebak Besar

Bon Ton Resort

Meritus Pelangi Beach Resort & Spa

Laman Padi

Hotel Fave

Casa Del Mar Langkawi

Aseania Resc

Pantai Chenang

The Frangipan

Underwater W

Camar Resort Langkawi

Holiday Villa Lang

Dash Resort Langkawi

Aloft Langka

Tengah Beach

Baru Bay

Resort World

Pulau Beras Basah

Pulau Singa Besar

N

PETUNJUK

- Lapangan Terbang
- Jeti
- Terminal Feri
- Bukit
- Hotel
- Sukan/Rekreasi
- Hospital
- Jalan Utama
- Tempat-tempat Menarik
- Pusat Maklumat Pelancong
- Golf

** Peta tidak dilukis mengikut skala*

Peta Langkawi

Peta Kuah

Ke
Taman Teknologi Agro MARDI
LEBUHRAYA LANGKAWI
JALAN PADANG GAONG
Kelibang
Pokok Asam
LEBUHRAYA LANGKAWI
Ke
Air Terjuan Durian Perangin
Kampung Ayer Hangat
Kelab Gold Gunung Raya
Galeria Perdana
Wildlife Park
Gua Kelawar
Langkawi Orchid Farm
JALAN AYER HANGAT
JALAN PADANG MATSIRAT
Ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi
Ke Hospital Langkawi
JALAN PADANG MATSIRAT
Hotel Grand Continental
Langkawi Parade
PERSIARAN BUNGA RAYA
PERSIARAN MUTIARA
National Art Gallery
Hotel Adya
JALAN AYER HANGAT
Kompleks HIG & Hotel HIG Langkawi
JALAN PENARAK
Hotel Bayview
PEKAN KUAH
Hotel Langkawi Baron
PERSIARAN PUTERA
LENGKONGAN PUTERA 3
JALAN PENARAK
Bella Vista Waterfront Resort & Spa Langkawi
LENGKONGAN PUTERA 2
JALAN SERI LEGENDA
GeoPark Inn Langkawi
Kompleks Pekan Rabu
De Baron Resort
Masjid Al-Hana
PERSIARAN PUTERA
Kampung Kuah
N
SELAT MELAKA
Taman CHOGM
Hotel Eagle Bay
Kompleks LADA
JALAN PENARAK
Taman Legenda
Langkawi Fair
Dataran Lang
Kampung Penarak
JALAN TUNKU SYED OMAR
JALAN INDRAGIRI
Langkawi Yacht Club Hotel
Royal Langkawi Yacht Club
Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi
JALAN BERINGIN
The Westin Langkawi Resort & Spa
The St. Regis Langkawi
PETUNJUK
Lapangan Terbang
Jeti
Terminal Feri
Bukit
Hotel
Hospital
Jalan Utama
Tempat-tempat Menarik
Pusat Membeli-Belah
Pusat Maklumat Pelancong
* Peta tidak dilukis mengikut skala

Persinggahan Pertama KUAH

Kuah terletak di bahagian tenggara Pulau Langkawi dan merupakan pusat berlepas ke pulau-pulau berdekatan Pulau Pinang dan berjiran dengan negara Thailand. Nama Kuah ini dikaitkan dengan sebuah legenda purba yang mengisahkan dua gergasi yang bertarung sehingga sebuah periuk terbalik dan kuah di dalamnya tertumpah.

Kuah yang dahulunya sebuah pekan kecil yang memiliki hanya beberapa batang jalan kini membangun sebagai sebuah kawasan yang menempatkan hotel-hotel, kompleks membeli-belah dan aktiviti perniagaan yang berkembang pesat. Kuah menawarkan pelbagai barangan bebas cukai seperti tembakau, kosmetik dan perkakas elektrik pada harga yang menarik.

DATARAN LANG merupakan mercu tanda Pulau Langkawi yang paling jelas kelihatan oleh para pengunjung yang berkunjung melalui laut. Terletak berhampiran Jeti Kuah, tarikan utama dataran ini adalah arca perang kemerahan seekor helang gergasi yang mengagumkan dalam keadaan sedia meluncur terbang ke udara. Di dalam Bahasa Melayu lama, kawi membawa maksud perang kemerahan, maka Langkawi bermakna "helang berwarna perang".

Dataran tersebut dihiasi dengan landskap yang indah dan dilengkapi dengan kolam yang cantik, jambatan, lintasan tertutup, restoran dan terowong berbumbung cembung yang diperbuat daripada batu-bata. Dataran tersebut diterangi dengan cahaya lampu yang menawan di waktu malam dan mempamerkan pemandangan yang cukup mengagumkan sebaik sahaja pengunjung menghampiri pulau tersebut dari arah laut.

Peta Chenang

** Peta tidak dilukis mengikut skala*

TAMAN LAGENDA merupakan taman-taman indah yang dihiasi bungaan tempatan dalam pelbagai warna, tumbuh-tumbuhan dan pokok buah-buahan. Taman seluas 50 ekar ini telah direka dan dihiasi dengan pameran yang mengisahkan mitos dan legenda pulau tersebut. Ia mengandungi 17 tugu dan setiap satu membawa kisah yang menarik.

Waktu Operasi: 9 pg-7 mlm (setiap hari)
Bayaran Masuk: Percuma
Tel: +604 960 0600

Bersantai di Pantai



PANTAI KOK, PANTAI CENANG, PANTAI PASIR TENGKORAK, TELUK DATAI, TELUK BURAU, PANTAI TENGAH DAN TANJUNG ARU dengan pemandangannya yang indah, amat sesuai untuk bersantai dan bersiar-siar di tepi pantai. Penginapan di pantai-pantai ini terdiri daripada hotel dan pusat peranginan terkemuka hinggalah chalet yang selesa. Kepelbagaian sukan air di pantai-pantai penginapan di Langkawi menjanjikan keseronokan bagi mereka yang aktif dan lasak. Restoran-restoran yang tersedia sama ada di dalam hotel ataupun di sekitar pulau ini, menghidangkan pelbagai jenis juadah lazat yang boleh dinikmati sambil berlatarkan alunan muzik *live* dalam suasana yang meriah.

PELAYARAN MENGELILINGI PULAU (ISLAND CRUISE) adalah cara yang ideal bagi menenangkan jiwa sambil menikmati pemandangan persekitaran Pulau Langkawi. Ketika bot anda menyusuri perairan di antara pulau-pulau ini, anda berpeluang menikmati pancaran matahari dan hembusan bayu yang menyamankan. Pelayaran di sekeliling Pulau Dayang Bunting dan Pulau Beras Basah mengambil masa kira-kira empat jam. Selain dari itu, anda juga boleh menyewa bot dan menyaksikan matahari terbenam sambil menikmati hidangan koktel yang disediakan. Aktiviti-aktiviti khas seperti BBQ, bersnorkel atau lawatan ke pulau-pulau lain juga boleh diaturkan.

TANJUNG RHU terletak di bahagian tanjung utara Langkawi. Namanya dikatakan sesuai kerana mempunyai sejumlah pokok rhu. Pantainya yang menawan menawarkan pemandangan kepulauan berdekatan yang menakjubkan, yang boleh dikunjungi dengan hanya berjalan kaki ketika air laut surut.

PARADISE 101 Pulau peranginan persendirian nombor satu yang mesra alam di Langkawi untuk berehat, bermain dan bersantai. Tarikan baru ini adalah kawasan yang ideal untuk menjalankan aktiviti sukan air seperti bermain jet ski, menunggang *banana boat*, *snorkeling* malah anda juga boleh menganjurkan acara persendirian anda di sini. Paradise 101 terletak berdekatan Telaga Harbour di Pantai Kok dan boleh diakses dengan menggunakan bot yang mengambil masa beberapa minit sahaja untuk ke pulau ini.

Tel: +604 963 9200
www.paradise101.com

Terokai Keindahan Alam

TAMAN LAUT PULAU PAYAR terletak di bahagian utara Selat Melaka, iaitu 19 batu nautika ke arah selatan Pulau Langkawi. Pulau Payar ini meliputi Pulau Lembu, Pulau Segantang dan Pulau Kaca. Taman laut ini penuh dengan pelbagai kehidupan dan tumbuhan laut. Pulau Payar merupakan pulau yang paling masyhur di antara pulau-pulau lain kerana perairannya yang terlindung membuatkannya sesuai bagi aktiviti *snorkeling*, menyelam dan berenang. Antara kawasan menyelam yang paling menarik ialah di Coral Garden, sebuah kawasan yang dikelilingi dengan batu karang lembut yang beraneka warna.

Pelawat boleh mengunjungi Pulau Payar dengan menaiki katamaran atau bot bermotor. Perjalanan menaiki katamaran mengambil masa kira-kira 45 minit dari Jeti Kuah manakala dengan bot laju mengambil masa satu jam. Pengunjung dinasihatkan menempah khidmat katamaran sehari sebelum bertolak ke Pulau Payar. Bayaran masuk ke taman marin akan dikenakan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Taman Laut Negeri Kedah di 604 733 9086.

GEOPARK PERTAMA DI ASIA TENGGARA Langkawi, yang diiktiraf sebagai Geopark pertama di Asia Tenggara, mempunyai banyak tapak geologi yang memberikan pandangan indah lagi mempesona kepada pelancong. Terdapat tiga Taman Georimba di Langkawi - Mat Chincang Geoforest Park adalah merupakan kawasan kambria tertua di Malaysia dan Asia Tenggara. Di Kilim Geoforest Park para pengujung boleh melihat formasi landskap karst (batu kapur) yang unik dan indah terbentuk daripada proses hakisan dan cuaca. Dayang Bunting Geoforest Park pula mempunyai antara marmar yang terbaik di dunia.

TASIK DAYANG BUNTING dengan namanya yang unik, pastinya akan mempesonakan anda dengan keindahan alam semulajadi di persekitaran tasik air tawar yang terbesar di Langkawi ini. Namanya dikaitkan dengan sebuah legenda yang mengisahkan seorang puteri dari kayangan yang berkahwin dengan seorang putera di bumi. Malangnya, anak sulung hasil dari perkahwinan mereka meninggal dunia sejurus selepas dilahirkan. Puteri yang terlalu sedih dan kecewa itu telah mengebumikan anaknya di dasar tasik.

Sebelum kembali ke kayangan, puteri tersebut kononnya telah mementerakan tasik itu agar wanita-wanita berkahwin yang tidak beranak hanya perlu mandi di sana bagi mendapatkan zuriat. Untuk mengunjungi tasik tersebut, anda perlu ke Pulau Dayang Bunting dan berjalan kaki merentasi sebatang denai singkat hutan simpan.

Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 3099

SUNGAI KILIM menawarkan pemandangan dan pengalaman yang pasti sukar dilupakan bagi para pengunjung yang gemar mengembara. Aktiviti pengembaraan yang pasti menyeronokkan ialah perjalanan bot ke Taman Kilim Nature Park. Taman seluas 100km persegi itu mempunyai hutan bakau hijau yang terpelihara, pantai pasir putih yang terlindung dan lagun berair biru.

Sepanjang denai yang menyusuri belukar sungai yang tenang itu, anda akan didedahkan kepada kehebatan ekosistem taman marin, flora dan fauna seperti Pokok Bogak, Helang Kawi, Ketam Pokok, Biawak Iguana dan *Macaque*. Selain itu, pengembara juga berpeluang untuk menikmati pemandangan hebat formasi unik batu kapur yang berdiri megah dari dasar paya bakau dan perairan pulau Kepulauan Langkawi.

Formasi semulajadi yang menakjubkan ini pernah diberi jolokan Kuil Borobodur, Batu Gajah dan Taman Tergantung.

AIR TERJUN DURIAN PERANGIN menampilkan suasana yang cukup sesuai bagi pengunjung yang ingin berkelah atau bermandi sungai dan berekreasi. Air terjun yang menakjubkan ini mempunyai 14 tingkat dan terletak di utara Pekan Kuah. Pengunjung boleh berjalan kaki melalui trek pendek merentasi hutan kecil untuk sampai ke air terjun ini.

AIR TERJUN TEMURUN Terletak dalam Taman Alam Mat Chincang berhampiran Teluk Datai, Air Terjun Temurun merupakan air terjun tertinggi di Langkawi. Air terjun ini paling baik dikunjungi semasa musim monsun (May – Oktober) memandangkan airnya akan berkurangan secara mendadak sewaktu musim kering. Aktiviti yang cukup menyegarkan untuk lari seketika dari keadaan cuaca yang panas dan lembab di pulau ini. Air terjun ini juga boleh dilihat dengan jelas dari jalan raya.

TELAGA TUJUH adalah air terjun yang terletak di bahagian barat laut Langkawi, ia merupakan satu ciri-ciri geologi yang menakjubkan. Namanya diambil sempena tujuh kolam semulajadi yang terbentuk hasil limpahan air terjun tersebut. Hutan hijau yang rendang mengelilingi air terjun itu menambahkan lagi sentuhan mistikal kepada kepelbagaian semulajadinya. Legenda ada mengisahkan puteri-puteri kayangan yang sering menjelma di air terjun ini untuk bermandi-manda dan bersukaria.

GUA di Langkawi adalah menarik untuk dilawati termasuklah Gua Cherita yang mudah diterokai, dapat dikunjungi dengan menaiki bot selama 30 minit dari Tanjung Rhu. Di dalam gua ini terdapat formasi batu yang menarik, penuh dengan kisah misteri, romantik dan inskripsi purba di dindingnya.

Sebuah lagi gua yang menarik untuk diterokai adalah Gua Kelawar yang terletak di tengah-tengah hutan bakau. Sebuah pelantar kayu telah dibina untuk membolehkan pengunjung berjalan menuju ke gua tersebut. Gua Pasir Dagang pula jaraknya kira-kira 45 minit perjalanan menaiki bot dari Kuah. Gua ini mempunyai anak sungai cetek di dalamnya yang boleh disusuri. Malah, perjalanan bot ke gua itu sendiri merupakan suatu pengembaraan yang menarik. Pemandu pelancong juga sedia berkhidmat untuk anda yang ingin mengadakan ekspedisi penerokaan gua.

LANGKAWI NATURE PARK Langkawi Nature Park (LNP) terletak di dalam enklaf Kilim Geoforest Park. Ianya adalah sebahagian dari Langkawi Geopark dan salah satu kawasan eko-pelancongan yang terbesar di seluruh rantau ini. Pengunjung boleh menaiki bot untuk melihat Kilim Geoforest Park dan alami sendiri pengalaman luar biasa berjalan melalui hutan bakau semulajadi yang tebal melalui pelantar kayu sejauh 800m.

Waktu operasi: 9pg – 7ptg
(Kaunter tiket ditutup pada pukul 5.45ptg)
Tel: 019 709 4769
https://langkawinaturepark.com

Khazanah Budaya

KOMPLEKS BUDAYA KRAF terletak di pantai utara Langkawi di kawasan Teluk Yu, jaraknya kira-kira 30 minit dari lapangan terbang atau 45 minit dari Pekan Kuah. Dibina di lereng bukit yang menganjur ke perairan laut, kompleks yang indah ini menawarkan pelbagai produk kraftangan yang halus buatannya seperti batik canting dan perkakas daripada perak.

Waktu Operasi: 9pg-6ptg (setiap hari)
Bayaran Masuk: Percuma
Tel: +604 959 1913

ORIENTAL VILLAGE yang terletak di persisiran Teluk Burau adalah antara destinasi membeli-belah, kebudayaan dan juadah yang paling unik di Langkawi. Ia direka bagi menampilkan konsep baru sebagai kompleks membeli-belah barangan bebas cukai. Oriental Village juga mempunyai restoran-restoran mewah yang menyediakan pelbagai makanan Asia. Ia terletak di Teluk Burau, iaitu kira-kira 15 minit perjalanan memandu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Waktu Operasi: 10pg-10mlm (setiap hari)
Bayaran Masuk: Percuma
Tel: +604 959 3099

6D CINEMOTION @ ORIENTAL VILLAGE
Tarikan terkini Oriental Village merupakan panggung wayang hiburan 6D luaran yang pertama di Asia. Satu kombinasi wayang gambar stereoskopik 3D yang unik dan tempat duduk kesan khas 5D, ia membawa pengalaman menonton wayang ke satu tahap baru.

Waktu Operasi: 9pg – 8mlm (setiap hari)
Bayaran Masuk: √

KAMPUNG AIR HANGAT terletak kira-kira 14 km ke arah barat laut Pekan Kuah. Kompleks moden ini dibina mengelilingi sebuah air pancut tiga tingkat yang dipercayai boleh mengeluarkan air hangat yang memiliki unsur penyembuhan. Ia terletak bersebelahan dengan sebuah mural yang dibina dari batu sungai yang menceritakan kisah legenda lokasi tersebut. Bersiar-siarlah di kedai cenderamata sambil menikmati persembahan kebudayaan yang diadakan di sini.

Waktu Operasi: 9pg-7ptg (setiap hari)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 1195

KAMPUNG KESENIAN BATIK ATMA ALAM merupakan kampung seni asli Langkawi yang terletak di Padang Mat Sirat dan ia menampilkan seni dan budaya Malaysia. Anda dipelawa untuk menyertai bengkel pembuatan batik secara individu atau berkumpulan. Lukisan batik dan minyak turut dijual dan juga boleh ditempah khas.

Waktu Operasi: 9pg-6mlm (setiap hari)
Bayaran Masuk: Percuma
Tel: +604 955 1227

Riadah & Rekreasi

Selain dari cuaca yang baik, laut yang membiru dan peluang bersiar-siar menaiki bot, banyak lagi aktiviti yang menanti anda di Langkawi. Ini termasuklah kembara hutan bagi memerhati burung, mendayung kayak melalui paya dan memanjat gunung. Bagi penggemar sukan lasak, terdapat aktiviti yang dianjurkan oleh Langkawi Canopy Adventures. Kecapi pengalaman mendebarkan ketika menyusuri hutan hujan tropika melalui tali yang dipasang pada dahan dan pepohon rendang. Pemandangan dari ketinggian tersebut yang dipayungi rimbunan pokok benar-benar menakjubkan. Untuk satu kelainan, cubalah menunggang kuda merentasi kehijauan rimba sambil melewati ladang-ladang getah, padang golf dan kawasan perkampungan. Sepanjang perjalanan, saksikan pelbagai flora dan fauna menarik sambil berehat di tepi anak sungai yang mengalir dari puncak gunung. Aktiviti menunggang kuda di tepi pantai juga boleh diatur.

GALERIA PERDANA terletak kira-kira 11 km dari Pekan Kuah. Memiliki koleksi lebih dari 2, 500 hadiah dan anugerah kenegaraan yang diberi kepada Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad dan isterinya Tun Dr. Siti Hasmah bt Mohd Ali. Galeria tersebut turut menampilkan barangan kristal dan hadiah yang diperbuat daripada kayu, kulit, perak, tembaga, piuter, seramik dan kaca. Juga terdapat alat muzik, hasil seni dan kraf Islam, tekstil dan senjata. Saksikan juga rekaan indah senibina Islam yang menghiasi siling galeri tersebut.

Waktu Operasi:
8.30pg - 5.30 ptg (Setiap hari)
8.30pg - 6 ptg (Cuti sekolah/ cuti awam)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 1498



LAMAN PADI LANGKAWI menampilkan sejarah, warisan dan pembangunan penanaman padi sebagai industri tertua di Malaysia. Antara tarikan di sini ialah muzium padi yang mempamerkan artifak, carta dan gambar yang menunjukkan pentingnya industri penanaman padi di Malaysia.

Laman ini juga mempunyai sebuah restoran yang menawarkan masakan resepi Melayu asli yang popular dengan menggunakan nasi sebagai bahan utamanya.

Waktu Operasi: 1.00ptg-9.00mlm (setiap hari)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 955 3225

KOTA MAHSURI dengan sejarah legenda tersendiri merupakan kawasan yang cukup penting di Langkawi dan kini dipelihara buat tatapan generasi akan datang. Terletak kira-kira 12km dari pekan Kuah, Kota Mahsuri ini dibina untuk memperingati kisah seorang rupawan bernama Mahsuri yang difitnah dan dihukum bunuh. Menurut legenda, ketika menjalani hukuman mati, tubuh Mahsuri mengalirkan darah berwarna putih, sebagai tanda kesuciannya. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, Mahsuri telah menyumpah pulau itu menjadi padang jarak padang terkukur selama tujuh keturunan. Benar atau tidak legenda ini, tujuh keturunan telah pun berlalu, kini Langkawi merupakan sebuah destinasi pelancongan yang berkembang pesat. Di sini juga terdapat sebuah muzium di mana pelancong dapat menonton kisah legenda Mahsuri.

Waktu Operasi:
8pg-6ptg (hari biasa)
8pg-6.30ptg (hari minggu)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 955 6055

LANGKAWI ART IN PARADISE – MUZIUM SENI INTERAKTIF 3D

Dianggap sebagai 'Muzium Seni Interaktif 3D Terbesar di Malaysia', Langkawi Art in Paradise memaparkan lebih daripada seratus buah lukisan berinteraktif 3D yang dihasilkan oleh sekumpulan artis antarabangsa yang berbakat. Sembilan zon bertema membawa pelawat melalui satu perjalanan maya ke dalam dunia seni 3D.

Waktu Operasi: 9.30pg-7ptg
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 4225

TAMAN KERBAU LANGKAWI di Kampung Nyior Chabang adalah satu tarikan yang lain daripada yang lain. Jelajahi seluruh taman dan sertai pelbagai aktiviti seperti menunggang kerbau, menunggang anok, memberi makan kepada kerbau dan memerah susu kerbau. Selain itu, pengunjung juga berpeluang untuk merasa pelbagai produk susu kerbau.

Waktu Operasi: 9pg-5ptg
Tutup setiap hari Jumaat.
Bayaran Masuk: √
Tel: +6019 559 6124

MENUNGGANG KUDA DI PULAU Buatlah satu lawatan menarik mengelilingi Langkawi dengan menunggang kuda! Tanpa mengambil kira tahap kemahiran menunggang kuda anda, pasti terdapat satu tunggangan yang sesuai dengan kehendak anda. Nikmati satu rangkaian pengalaman menunggang kuda yang menggembirakan, dari tunggangan seronok ditarik-tali untuk pelawat kali pertama sehinggalah pengembaraan menjejak hutan untuk mereka yang pakar.

Waktu Operasi: 7pg - 11pg & 3ptg - 6ptg (setiap hari)
Tutup pada hari Isnin.
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 4753

TAMAN AGRO TEKNOLOGI MARDI ialah pusat maklumat teknologi tanaman yang dilengkapi dengan kebun sayuran berteknologi tinggi dan beberapa kawasan rekreasi. Jangan lupa untuk turut melawat dusun buah-buahan tropika yang terdiri daripada 20 jenis pokok buah-buahan tropika bermusim dan tidak bermusim.

Waktu Operasi: 8.30pg-5ptg
(dibuka setiap hari kecuali Jumaat)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 953 2551

LANGKAWI SKYCAB Nikmatilah pengalaman yang menyeronokkan dengan menaiki kereta kabel sehingga ke puncak Gunung Mat Chincang. Para pengunjung berpeluang melihat keindahan Laut Andaman dan keseluruhan kepulauan Langkawi sambil menikmati pemandangan cenuram anjur dan puncak batu tinggi yang amat mengagumkan. Dengan ukuran sepanjang 950m, Langkawi SkyCab telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai "The Longest Free Span Single Rope Cable Car". Langkawi SkyCab juga mempunyai kecerunan yang dianggap sebagai antara yang tercuram di dunia iaitu pada 42º.

Di bahagian tengah dan puncak stesen pula terdapat denai laluan serta platform pemandangan bagi membolehkan para pengunjung menikmati pemandangan panoramik sekitarnya. Langkawi SkyCab terletak di Oriental Village, Teluk Burau lebih kurang 30 minit dari pekan Kuah. Selepas menaiki kereta kabel, para pengunjung boleh singgah sebentar ke kedai barangan cenderamata yang terdapat di sini.

SKY BRIDGE Jambatan Gantung Melengkung Terpanjang di dunia. Siap dibina pada tahun 2004, jambatan gantung ini dibina di atas Gunung Machincang. Boleh di akses melalui Stesen Puncak, jambatan ini tergantung melalui sebatang tiang setinggi 82m, tergantung pada ketinggian sekitar 100m dari tanah dan boleh memuatkan sehingga 250 orang pada sesuatu masa. lanya terhampar di atas gunung bagi memberikan pengalaman panorama yang unik kepada pengunjung serta dapat membawa pengunjung ke lokasi yang tidak dapat dicapai, di atas hutan dara yang menjanjikan pemandangan yang mempesonakan. Berbanding jambatan lurus, di mana penghujungnya memberikan pemandangan yang sama, jambatan melengkung pula dapat memberikan pemandangan spektakular yang berubah-ubah perspektifnya sepanjang pengunjung berjalan melalui jambatan ini.

Waktu Operasi:
10pg-7mlm (Isnin, Selasa & Khamis);
9.30pg-7mlm (Jumaat-Ahad dan Cuti Umum)
12tgh-7mlm (Rabu)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 4225

LANGKAWI SKYTREX ADVENTURE

Terletak di kawasan berprestij di Perdana Quay, tarikan terkini Langkawi ini harus diletakkan dalam senarai wajib bagi setiap pelawat. Berlatarbelakang lanskap dramatik Gunung Mat Chincang, Langkawi Skytrex Adventure adalah satu pengalaman *sky-trekking* pokok-ke-pokok yang pertama seumpamanya di Malaysia. Alami pengembaraan yang cukup menarik ketika anda terbang, menghayun, meluncur dan tergantung atas pelbagai halangan udara yang tergantung tinggi atas hutan hujan tropika yang lebat. Dibina dan diuruskan mengikut piawaian keselamatan antarabangsa dan pada masa yang sama mesra-alam, Langkawi Skytrex Adventure menjamin keseronokan berjam-jam dan kenikmatan untuk semua peringkat usia.

Waktu Operasi:
Perlepasan Pertama: 9pg
Perlepasan Terakhir: 3ptg
Bayaran Masuk: √
Tel: +6019 280 5679

UMGAWA ZIPLINE ECO ADVENTURES

Umgawa's Zipline Eco Canopy Tour membawakan pengembaraan zipline bertaraf dunia ke Langkawi buat pertama kalinya. Ini adalah satu-satunya zipline di Langkawi, menawarkan peluang kepada pengunjung untuk terbang merentasi puncak pokok di dalam hutan. Aktiviti ini adalah sesuai untuk kumpulan, pasangan dan individu yang gemarkan alam semulajadi. Kesemua pakej yang disediakan adalah berpandu sepenuhnya dan dilindungi insurans.

Waktu Operasi: 9.30pg - 4.00ptg
Tel: +604 950 2828
www.ziplinelangkawi.com

UNDERWATER WORLD LANGKAWI menampilkan khazanah laut yang menakjubkan. Terletak di Pantai Cenang, ia didiami lebih daripada 5,000 jenis hidupan akuatik yang dipamerkan dalam lebih 100 tangki pelbagai saiz yang digunakan. Tarikan utamanya ialah sebuah tangki gergasi yang dipenuhi hidupan spesis marin besar seperti jerung, ikan pari, belut dan penyu hijau. Sebuah terowong sepanjang 15 meter disediakan bagi pengunjung melihat ikan dengan lebih dekat. Saksikanlah aksi haiwan laut yang menghiburkan semasa sesi memberi makan diadakan.

Di sayap baru kompleks tersebut, pengunjung berpeluang melihat penghuni terkini Underwater World - burung penguin dan anjing laut! Spesis burung penguin yang terdapat di sini adalah termasuk *Sub-Antartic Rockhoppers* dan spesis *Black-footed* dari Afrika. *Sub-Antartic Rockhoppers* diberi makan pada jam 11.30 pagi dan 3.30 petang, manakala *Black-footed* diberi makan pada jam 9.30 pagi dan 2.30 petang. Anjing laut pula diberi makan pada jam 11.00 pagi dan 3.00 petang setiap hari. Datanglah pada waktu-waktu ini untuk menambah pengalaman yang sukar dilupakan! Bangunan baru ini turut menempatkan sebuah teater 3-dimensi (3D) yang menayangkan dokumentari mengenai hidupan laut di Pulau Langkawi.

Waktu Operasi: 10pg-6ptg (setiap hari)
9.30pg-6.30ptg (cuti umum)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 955 6100

DARULAMAN SANCTUARY Darulaman Sanctuary terletak di kaki Gunung Raya, puncak tertinggi di Langkawi. Nikmati kemeriahan flora dan fauna melalui pelbagai aktiviti seperti berjalan di dalam hutan, berjalan di waktu malam, memerhati burung, berjalan melihat rama-rama dan merentas hutan. Kawasan perlindungan ini terletak di dalam kawasan yang kaya dengan bunga liar, pokok bersaiz besar, sungai dan himpunan lebih dari 100 jenis tumbuhan perubatan. Pengunjung yang bertuah akan berpeluang melihat haiwan-haiwan kecil seperti tupai, lemur terbang, burung, monyet dan banyak lagi.

Waktu Operasi: 8.30pg - 5.30ptg
Tel: 604 955 8080
www.sanctuary.bdb.com.my

LADANG ORKID LANGKAWI Memaparkan lebih daripada 1,000 spesis orkid, Ladang Orkid Langkawi merupakan yang terbesar seumpamanya di rantau sebelah utara Malaysia. Ladang ini memaparkan beratus-ratus spesis orkid termasuk beberapa jenis yang amat eksotik dan jarang ditemui, seperti *Tiger Orchid, Dancing Lady* dan orkid *Antelope*. Lawatan berpandu juga tersedia untuk membawa anda melawat ke sekitar ladang tiga ekar ini untuk menikmati keindahan bunga-bunga yang mekar dan cantik serta mempelajari kaedah penanamannya. Ladang ini juga menawarkan satu pakej semalaman khas untuk murid-murid sekolah untuk belajar bukan sahaja mengenai orkid tetapi juga kaedah perladangan lestari, dari pengkomposan organik sehinggalah kepada ternakan ikan secara praktikal. Sebuah kafe kecil yang menghidangkan minuman sejuk juga boleh didapati di sini.

Waktu Operasi: 10pg - 6ptg (setiap hari)
Tel: +6012 470 0082

STUDIO TIUPAN GELAS KRISTAL FAIZY Untuk cenderamata kristal buatan tangan yang anggun, lawatilah Studio Tiupan Gelas Kristal Faizy. Ditubuhkan dalam tahun 2002, tukang kraf di sini menggunakan kaedah tiupan gelas tradisi untuk menghasilkan rangkaian karya seni yang halus. Lihatlah sendiri bagaimana setiap karya yang mengagumkan itu dihasilkan, di mana tukang-tukang kraf ini bekerja dalam keadaan suhu yang amat tinggi sambil meniup udara secara manual ke dalam gelas cair untuk menghasilkan rangkaian barangan kristal, yang kemudiannya dijual di kedai cenderamata mereka sebagai hadiah istimewa untuk dibawa pulang.

Waktu Operasi:
9:30pg – 5ptg (rehat 1ptg – 2ptg).
Ditutup pada hari Jumaat dan cuti umum.
Bayaran Masuk: Percuma
Tel: +604 959 4885

TAMAN HIDUPAN LIAR LANGKAWI mempunyai lebih dari 2,500 ekor burung dan 150 spesis eksotik, serta hidupan liar yang lain seperti monyet, tupai dan buaya. Ia adalah yang pertama di Asia yang mempunyai laluan pejalan kaki tertutup. Pengunjung juga boleh membeli cenderahati di sini.

Waktu Operasi: 8.30pg-6ptg (setiap hari)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 966 5855

TAMAN BUAYA terletak di Kubang Badak, kira-kira 32 km daripada Pekan Kuah dan menempatkan lebih dari 1,000 ekor buaya pelbagai spesis. Di sini, pengunjung boleh mengambil gambar buaya dan menyaksikan sendiri gelagat dan cara mereka makan dalam kawasan yang terkawal yang menyerupai habitat semulajadi mereka.

Waktu Operasi: 9pg-6ptg (setiap hari)
Bayaran Masuk: √
Tel: +604 959 2559

Belayar di Langkawi

